



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN MEDIA BAHARU DAN TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELATIH INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK DI PERAK

NURHANA BINTI YAHYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara media baharu dan tingkah laku devian dalam kalangan pelatih Institusi Pemulihan Akhlak (IPA) di Negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan populasi kajian terdiri daripada 170 orang pelatih daripada Sekolah Tunas Bakti, Taiping (STB) dan Taman Seri Puteri, Batu Gajah (TSP) di Perak. Sampel kajian terdiri daripada 118 orang pelatih dipilih menggunakan teknik persampelan rawak. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual berstruktur dan soal selidik yang diubahsuai daripada William dan Buss dan Perry. Darjah kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan Cronbach Alpha di mana nilai keseluruhannya ialah 0.918. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 20. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data empirikal kajian seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ujian-*t* dan pekali kolerasi Pearson. Pekali korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan di antara media baharu dan tingkah laku devian pelatih. Manakala ujian-*t* digunakan untuk menguji perbezaan mengenai tingkah laku devian berdasarkan jantina dan lokasi kediaman. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tingkah laku devian berdasarkan jantina dan lokasi kediaman. Namun, terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah ($r=.25$, $p<.05$) antara media baharu dan tingkah laku devian. Implikasi kajian ini dapat memberi panduan serta mewujudkan kesedaran terutama kepada pelatih IPA agar kegiatan devian berpunca daripada media baharu dapat dikurangkan.





THE RELATIONSHIP BETWEEN NEW MEDIA AND DEVIANT BEHAVIOURS AMONG TRAINEES IN REHABILITATION INSTITUTIONS IN PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the relationship between new media and deviant behaviours among trainees in Rehabilitation Institutions (RI) in Perak. The case study method was used and the population comprised of 170 trainees from Sekolah Tunas Bakti, Taiping (STB) and Taman Seri Puteri, Batu Gajah (TSP) in Perak. The sample consisted of 118 trainees selected based on random sampling technique. Instruments used in this study were structured interviews and questionnaire which were adapted from William and Buss and Perry. Using Cronbach Alpha, the overall reliability of the instrument was found to be 0.918. Data were analysed using *Statistical Package for Social Science (SPSS)* version 20. Descriptive and inferential statistics were used to analyse empirical data such as frequency, percentage, mean, standard deviation, *t*-test and Pearson correlation coefficient. The Pearson correlation coefficient was used to determine the relationship between new media and the deviant behaviours among trainees. The *t*-test was used to measure the differences regarding deviant behaviours based on gender and location. The results showed there were no significant differences regarding deviant behaviours based on gender and location. However, there was a significant but weak relationship ($r=.25$, $p<.05$) between new media and deviant behaviours. In implication, this study is expected to guide and to create awareness especially among RI trainees in order to minimise deviant activities arising from the new media.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	14
1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	15
1.8	Kerangka Konseptual	16
1.9	Definisi Operasional	17
1.9.1	Tingkah Laku	17





1.9.2 Devian	18
1.9.3 Media Baharu	18
1.9.4 Pelatih Institusi Pemulihan Akhlak	19
1.10 Kepentingan Kajian	19
1.10.1 Bidang Sosiologi Pendidikan	19
1.10.2 Ibu Bapa	20
1.10.3 Institusi Pemulihan Akhlak	20
1.10.4 Pengamal Media	21
1.10.5 Pengkaji Akan Datang	21
1.11 Batasan Kajian	21
1.11.1 Pembolehubah Kajian	22
1.11.2 Sampel dan Populasi Kajian	22
1.11.3 Instrumen Kajian	23
1.11.4 Generalisasi Kajian	23
1.12 Rumusan	23



BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	24
2.2 Tingkah Laku Devian	25
2.3 Media Baharu	27
2.4 Media dan Tingkah Laku Devian	31
2.5 Tingkah Laku Devian dan IPA	34
2.6 Teori-teori Tingkah Laku Devian	36
2.6.1 Teori Psikoanalisis	36
2.6.2 Teori Pembelajaran Sosial	37





2.6.3	Teori Kawalan Sosial sebagai Model Kajian	38
2.7	Kajian-kajian Lepas	42
2.7.1	Kajian dalam Negara	42
2.7.2	Kajian luar Negara	53
2.8	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Populasi Kajian	65
3.4	Sampel Kajian	66
3.5	Instrumen Kajian	68
3.6	Kajian Rintis	72
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	73
3.8	Analisis Data	73
3.8.1	Statistik Deskriptif	74
3.8.2	Statistik Inferensi	75
3.8.3	Temubual Berstruktur	77
3.9	Kesahan Instrumen	78
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	78
3.11	Penutup	81

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	82
4.2	Demografi Responden	83





4.2.1	Jantina	84
4.2.2	Lokasi Kediaman	85
4.3	Analisis Statistik Deskriptif	86
4.3.1	Tahap Tingkah Laku Devian Terhadap Media Baharu	86
4.3.1.1	Analisis Kekerapan, Peratusan dan Min Keseluruhan Tahap Tingkah Laku Devian Terhadap Media Baharu	87
4.3.2	Tahap Pengaruh Media Baharu Terhadap Tingkah Laku Devian	91
4.3.2.1	Analisis Kekerapan, Peratusan dan Min Keseluruhan Tahap Pengaruh Media Baharu	91
4.4	Analisis Statistik Inferensi	96
4.4.1	Perhubungan antara pengaruh media baharu dan tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA	96
4.4.2	Perbezaan antara jantina dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA	98
4.4.3	Perbezaan antara lokasi kediaman dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA	99
4.5	Analisis Temubual Berstruktur	100
4.6	Rumusan	105

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	106
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	107
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	111
5.3.1	Tahap Tingkah Laku Devian oleh Media Baharu	112





5.3.2	Tahap Pengaruh Media Baharu Terhadap Tingkah Laku Devian	113
5.3.3	Hubungan Antara Tahap Pengaruh Media Baharu Dengan Tingkah Laku Devian	114
5.3.4	Perbezaan Antara Jantina dan Tahap Tingkah Laku Devian	115
5.3.5	Perbezaan Antara Lokasi Kediaman dan Tahap Tingkah Laku Devian	116
5.3.6	Analisis Temubual Berstruktur	117
5.4	Rumusan Teori	119
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	122
5.5.1	Bidang Sosiologi Pendidikan	122
5.5.2	Ibu Bapa	123
5.5.3	ka.uIPAdu.my	
5.5.4	Pengamal Media	124
5.5.5	Skop Kajian	124
5.5.6	Saiz Sampel	125
5.5.7	Elemen Demografi	125
5.5.8	Instrumen Kajian	125
5.6	Rumusan	126
	RUJUKAN	128
	LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

3.1	Penentuan Saiz Sampel, Krejcie dan Morgan	67
3.2	Item Soal Selidik Tahap Tingkah Laku Devian	69
3.3	Tahap Kekerapan Skala Likert	70
3.4	Item Soal Selidik Tahap Pengaruh Media Baharu	71
3.5	Tahap Persetujuan Skala Likert	72
3.6	Persoalan Kajian dan Jenis Ujian Statistik Deskriptif	74
3.7	Penentuan Skor Min	75
3.8	Persoalan Kajian dan Jenis Ujian Statistik Inferensi	76
3.9	Soalan Temu Bual Berstruktur	77
3.10	Pekali Saiz Alpha Cronbach	79
3.11	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	80
4.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	84
4.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Kediaman	85
4.3	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Keseluruhan Tahap Tingkah Laku Devian	89
4.4	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Keseluruhan	92





Tahap Pengaruh Media Baharu

4.5	Ujian Korelasi Pearson hubungan antara tahap pengaruh media baharu dengan tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA	97
4.6	Ujian- <i>t</i> perbezaan antara jantina dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA	98
4.7	Ujian- <i>t</i> perbezaan antara lokasi kediaman dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA	99
5.1	Dapatan Min Keseluruhan Tahap tingkah laku devian oleh media baharu dalam kalangan pelatih IPA di Perak	107
5.2	Dapatan Min Keseluruhan Tahap Pengaruh Media Baharu Terhadap Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Pelatih	109
5.3	Keputusan keseluruhan pengujian Hipotesis Kajian	111





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI RAJAH

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	16
4.1 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	84
4.2 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Kediaman	85



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiv

SENARAI SINGKATAN

IPA	Institusi Pemulihan Akhlak
IPT	Insitusi Pengajian Tinggi
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
STB	Sekolah Tunas Bakti
TSP	Taman Seri Puteri
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KEMP	Pelan Induk Ekonomi Berdasarkan Pengetahuan



05-4506832



pusta

Badan Bukan Kerajaan



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Borang Temubual Berstruktur
- C Surat Permohonan Menjalankan Kajian/ Penyelidikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat
- D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian/ Penyelidikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Merujuk kepada Albert Einstein (di dalam Makovsky, 2012), “*It has become appallingly obvious that our technology has exceeded our humanity*” seperti memberi maksud bahawa teknologi digambarkan seolah-olah membunuh nilai-nilai murni dan norma-norma terpuji di dalam kehidupan manusia. Tiada siapa dapat menafikan bahawa keadaan persekitaran mampu berubah mengikut arus peredaran masa. Namun, individu atau kumpulan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing untuk memilih jalan yang terbaik bagi hala tuju kehidupan yang positif dan bermakna.

Secara umumnya, teknologi merupakan suatu mangkin yang penting di dalam revolusi kehidupan dan kemajuan insan. Menurut Baran (2002), teknologi diibaratkan seperti “pedang bermata dua” kerana ia mampu memberikan kesan yang baik dan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



buruk kepada penggunanya. Kelahiran media baharu telah disebut sebagai salah satu teknologi yang penerimaannya melonjak naik oleh masyarakat dunia bermula dari golongan kanak-kanak hingga ke golongan dewasa. Media baharu juga merupakan salah satu media komunikasi yang sangat sinonim dengan persekitaran semasa di mana majoriti masyarakat dewasa ini menggunakan bukan sahaja sebagai keperluan tetapi juga gaya hidup.

Media baharu tidak dapat dipisahkan dengan internet kerana maklumat diperolehi, ditukar, dimanipulasi dan dikongsi dengan kuasa internet hanya di hujung kawalan jari manusia. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 25 juta rakyat Malaysia melayari Internet (Internet World Stats 2017) berbanding hanya 3 juta sahaja yang melayari Internet pada tahun 2000 dan ini dibuktikan dengan kajian kebergantungan

terhadap Internet oleh remaja di Lembah Klang yang sangat tinggi dan dapat dilihat melalui pelbagai aktiviti yang mereka lakukan dalam kehidupan sehari-hari (Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd. Helmi Abd. Rahim, 2013). Ini membuktikan bahawa internet sukar ditolak oleh masyarakat dan sekaligus telah mencetuskan fenomena dan menjadi rakan baik di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada minat dan kecenderungan terhadap penggunaan internet dalam kalangan masyarakat. Antaranya internet menyampaikan maklumat secara pantas, bersifat interaktif, membenarkan penyebaran kandungan multimedia dan penyebaran maklumat tanpa batas dengan kos yang rendah (Riffe, Lacy & Varouhakis, 2008). Kerajaan juga tidak terkecuali melakukan inisiatif untuk merapatkan jurang digital di antara penduduk bandar dan penduduk





luar bandar yang jelas termaktub di dalam Pelan Induk Ekonomi Berdasarkan Pengetahuan (KEMP) yang dilancarkan pada tahun 2002 di mana kerajaan berusaha untuk menyediakan teknologi internet kepada semua pelusuk masyarakat di Malaysia agar ilmu, kemahiran dan maklumat dapat dikongsi dan dimanfaatkan bersama.

Namun, perkembangan media baharu yang diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat telah mengundang pelbagai persepsi terutamanya dari sudut negatif. Banyak masalah dan isu telah dibangkitkan ekoran dari penggunaan media baharu antaranya ia tidak digunakan dengan bijak dan sering mengundang masalah dalam kalangan masyarakat (Davaidass, Nachiappan & Ganaprakasam, 2018). Bukan itu sahaja, jumlah pengguna media baharu yang meningkat secara mendadak juga telah banyak menimbulkan kerisauan pelbagai pihak disebabkan terutama masalah sosial yang semakin membarah terutama dalam kalangan remaja.



Oleh itu, pentingnya masyarakat didekah dengan ilmu penggunaan media baharu yang bukan sahaja bertujuan untuk memperoleh maklumat, malah untuk mendidik pengguna terutamanya pelajar dan remaja untuk berkongsi ilmu yang boleh dimanfaatkan melalui media baharu agar menjadi panduan ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti.





1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap individu melalui proses sosialisasi yang akan membantu mereka untuk berjaya di dalam dunia sosial. Masyarakat mempelajari tentang budaya, kepercayaan, nilai dan norma melalui proses sosialisasi. Terdapat empat agen sosialisasi yang utama iaitu keluarga, rakan sebaya, sekolah dan media. Keluarga pula dianggap sebagai agen sosialisasi yang paling utama kerana nilai budaya dan nilai sosial dicerak oleh keluarga (Kendal, 2006). Namun dewasa ini anak-anak seawal usia dua tahun telah didedahkan dengan persekitaran pembelajaran dan diasuh di taska-taska yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik mereka hingga anak-anak ini melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi. Secara tidak langsung, sekolah telah menjadi agen utama proses sosialisasi jika dilihat dalam konteks masyarakat Malaysia yang semakin sibuk memberi komitmen kepada tuntutan kerjaya. Ekoran dari proses sosialisasi di sekolah, anak-anak lebih didedahkan dengan pergaulan rakan sebaya. Menurut Kendal (2006), kumpulan rakan sebaya adalah terdiri dari mereka yang mempunyai minat, kedudukan sosial dan usia yang lebih kurang sama. Disebabkan itu, anak-anak lebih cenderung bergaul dengan rakan sebaya kerana mereka beranggapan bahawa rakan sebaya lebih memahami perasaan mereka berbanding ibu bapa. Manakala, media juga merupakan salah satu agen sosialisasi yang sangat memberi pengaruh kepada pembangunan dan pembentukan diri anak-anak. Kesimpulannya, proses sosialisasi mengajar individu untuk menjadi ahli yang cekap di dalam masyarakat, memberi kefahaman tentang norma masyarakat, menerima kepercayaan masyarakat dan peka terhadap nilai masyarakat.





Di dalam konteks sosiologi pula, masyarakat merupakan fokus utama dalam sesuatu kajian iaitu masyarakat terdiri daripada manusia yang perlu berinteraksi antara satu sama lain (Amir Hasan, 2009). Dengan adanya interaksi sosial maka komunikasi menjadi salah satu kunci penyebaran dan pertukaran maklumat dalam kalangan masyarakat. Cara masyarakat berkomunikasi sentiasa berubah mengikut era seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi. Medium komunikasi bermula dengan era purba, era literasi, era percetakan, era telekomunikasi dan yang terbaru era media baharu yang bersifat interaktif dengan teknologi berasaskan internet. (Siti Ezaleila & Azizah, 2011).

Media baharu dianggap sebagai bahasa yang sentiasa berkembang, tidak seperti media aliran utama yang lain (Manovich, 2001). Ia juga digelar sebagai media moden (Amir Hasan, 2009), media milenia dan media digital. Gelaran ini diberi kerana ada yang beranggapan bahawa media baharu lahir dari media massa yang diberi nafas baru dari sudut karektor. Sifat baharu ini akhirnya akan berlalu mengikut peredaran masa dan bakal bersifat ‘lama’ seperti media-media terdahulu.

Di dalam kajian ini, media baharu yang akan dibincangkan adalah laman sosial, laman web dan laman perkongsian video di mana penggunaannya sering dikaitkan dengan generasi Z iaitu generasi yang lahir pada era digital di antara tahun 1998 hingga 2009 (Siti Mahani & Nazlinda, 2013). Anak-anak dari generasi Z mempunyai kecenderungan dan minat terhadap internet berbanding dengan generasi lain kerana mereka telah mula melayari internet dan laman web sejak kecil (Taspcott, 2008). Dengan kata lain, generasi Z membesar di dalam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi (Siti Mahani et al., 2013). Di





antara media baharu yang popular adalah laman sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*, laman perkongsian video seperti *Youtube* dan *Instagram*, dan laman web yang mempunyai pelbagai informasi. Selain itu, laman-laman web tersebut dapat memudahkan pengguna untuk berkongsi maklumat dan aktiviti terutamanya isu-isu semasa (Saodah, Syed Arabi, & Norealyna, 2012). Apabila generasi Z ini bergaul dengan rakan sebaya yang terdiri di dalam golongan yang sama, mereka akan melakukan kegiatan yang mampu menarik perhatian mereka, termasuk meneroka agen sosialisasi media baharu memandangkan ia selari dengan minat dan kemahiran mereka. Setiap aktiviti yang mereka lakukan biasanya didorong oleh pelbagai faktor antaranya institusi sosialisasi dan juga bagaimana mereka mentafsirkan keadaan sekeliling (Samsudin, 1994). Di dalam kajian ini juga, generasi Z yang akan dibincangkan adalah mereka yang ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti, Taiping



berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kadar penubuhan Institusi Pemulihan Akhlak (IPA) di Malaysia yang semakin meningkat adalah bukti bahawa masalah sosial dalam kalangan remaja semakin serius dan perlu diberi tumpuan. Kebanyakan institusi pemulihan yang ditubuhkan adalah dari pelbagai pihak antaranya kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), badan persendirian dan lain-lain lagi. Pelbagai akta dan peraturan telah digubal untuk melindungi dan memulihkan remaja-remaja yang menghadapi masalah sosial agar mereka mendapat memperbaiki sahsiah diri dan berusaha berubah menjadi insan yang positif. Akta dan peraturan yang terpakai antaranya Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106, Taman Seri Puteri), Kaedah-Kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan) 1982,





Sekolah Tunas Bakti (Peraturan-Peraturan Yang Diluluskan 1981), Peraturan Asrama Akhlak 1982 dan Peraturan Tempat Tahanan 1950.

JKM adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (JPWKM) yang ditubuhkan khas untuk memberi jagaan, pemeliharaan, pemulihan dan perlindungan kepada remaja yang menghadapi masalah sosial yang tidak terkawal. JKM juga telah mendapat sepenuh kepercayaan dari pihak kerajaan sebagai badan pelaksana untuk menubuhkan IPA bagi menempatkan remaja-remaja yang terlibat dengan kes-kes juvana yang berumur lingkungan 12 hingga 18 tahun. JKM mengkategorikan STB dan TSP ini sebagai institusi kebajikan kanak-kanak di mana objektif institusi kebajikan kanak-kanak ini adalah secara amnya untuk mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan diri yang membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Selain itu, institusi kebajikan kanak-kanak ini adalah tempat untuk memberi pemulihan dan perlindungan (Noor Hafizah, 2016) bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan kanak-kanak yang tidak terkawal dan bukanlah institusi untuk memberi hukuman kepada mereka.

STB adalah IPA untuk kanak-kanak yang ditubuhkan di bawah Seksyen 65 (1) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 bagi pemulihan dan jagaan. STB ditubuhkan bertujuan untuk memulihkan kanak-kanak melalui perubahan nilai, sikap dan tingkah laku positif dengan membina keyakinan dan potensi diri serta membolehkan mereka berdikari setelah kembali ke pangkuhan keluarga dan masyarakat.





Kaedah kemasukan ke STB adalah melalui perintah mahkamah bagi kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 dan mereka akan menjalani pemulihan selama tiga tahun, tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh setelah melebihi setahun dengan surat keizinan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan/ atau kelulusan Lembaga Pelawat. Kanak-kanak yang ditempatkan di STB adalah kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal. Permohonan bertulis dari ibu atau bapa atau penjaga kepada Mahkamah perlu diluluskan sebelum kanak-kanak tersebut ditahan di STB.

Di STB Taiping, terdapat 120 kanak-kanak lelaki yang terdiri dari etnik Melayu, India dan Orang Asli yang sedang menjalani tempoh pemulihan. Di antara kesalahan jenayah yang dilakukan adalah memiliki dadah, pecah rumah, melupus barang curi, cabul dan tidak terkawal. Kanak-kanak ini disediakan latihan-latihan kemahiran seperti kursus kimpalan, automotif, pastri, muzik dan jahitan untuk memberi nilai tambah kepada mereka untuk berdikari setelah mereka dibebaskan. STB juga menyediakan kelas khas bagi kanak-kanak yang ingin menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan bantuan guru luar yang berpengalaman.

Manakala TSP Batu Gajah, Perak pula adalah tempat perlindungan bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak perempuan yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 55 Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Objektif penubuhan TSP adalah untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral atau keruntuhan akhlak dengan memupuk





sikap dan nilai yang sesuai dengan norma masyarakat serta memberikan kemahiran yang bersesuaian. Terdapat beberapa kaedah kemasukan ke TSP untuk menempatkan kanak-kanak perempuan yang berumur di bawah 18 tahun. Di antara kaedah-kaedah tersebut adalah permintaan bertulis dari ibu atau bapa atau penjaga kepada Mahkamah supaya menahan anak mereka ke tempat perlindungan oleh sebab salah laku seksual, pelacuran atau urusan berkaitan pelacuran, dan permohonan kanak-kanak itu sendiri kerana memerlukan perlindungan segera atas sebab ancaman bagi tujuan pelacuran, persetubuhan, lucah, dikurung atau ditahan dan hamil anak luar nikah. Tempoh perlindungan dan pemulihan di TSP adalah selama tiga tahun tetapi boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh dengan kuasa Menteri atau kelulusan Lembaga Pelawat atau dengan meminda, mengubah atau membatal perintah Mahkamah bagi kanak-kanak.



Di TSP Batu Gajah, terdapat seramai 50 orang kanak-kanak perempuan yang ditempatkan atas pelbagai masalah sosial seperti hamil anak luar nikah, mangsa rogol dan lari rumah. Memandangkan kanak-kanak ini tidak menyambung pelajaran di sekolah, TSP menyediakan kursus-kursus seperti kaunseling, latihan vokasional, kemahiran kulinari, kelas jahitan dan kursus kemahiran makanan dan minuman. Selain itu, kanak-kanak yang ingin mengambil peperiksaan seperti PT3 dan SPM akan dibantu dengan memberikan kelas khas yang dibimbing oleh guru berpengalaman. Kanak-kanak ini juga dibenarkan keluar untuk membuat lawatan mengikut ketetapan yang diberikan oleh pihak TSP.



1.3 Pernyataan Masalah

Tidak dapat dinafikan bahawa kelahiran media baharu bukan sahaja berupaya mengubah gaya komunikasi masyarakat dunia tetapi juga mengubah cara hidup masyarakat secara amnya. Dengan adanya teknologi digital, setiap informasi yang ingin diperolehi mampu dicapai di hujung jari. Tidak dapat disangkal bahawa internet memberikan banyak manfaat kepada masyarakat tidak kira dari sudut ekonomi, politik, pendidikan dan lain-lain. Selain itu, media baharu juga mampu memberi impak yang positif dari sudut hubungan dan kemahiran berkomunikasi serta mengukuhkan jalinan rangkaian antara penggunanya. Menurut Normah et al. (2013), majoriti remaja menggunakan laman sosial seperti *Facebook* sebagai medium utama untuk bersempang diikuti *Twitter*, *emel*, *Yahoo*, *Skype*, *Tagged* dan *MySpace*. Jelas

penggunaan media baharu untuk tujuan ini mampu memberi ketenangan dan rasa santai dalam kalangan pengguna untuk mereka bertukar pendapat dan berkongsi pandangan terhadap topik-topik yang menarik minat mereka.

Media baharu bukan sahaja dapat menjalinkan rangkaian kenalan yang baru tetapi juga dapat mengerat dan menyambung ikatan silaturrahim yang terputus (Levinson, 2009). Dengan adanya *Facebook*, pengguna mampu bertemu dengan rakan lama dan menganjurkan sesi pertemuan untuk mengimbas kenangan yang pernah dilakarkan bersama. Keadaan ini mampu meninggalkan nostalgia pada diri masing-masing. Menurut Subrahmanyam, K., & Lin, G. (2007), internet dapat memberikan sokongan rangkaian kepada remaja yang merasakan mereka tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa dan rakan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian telah membuktikan bahawa media baharu lebih banyak menyumbang kepada kesan-kesan



negatif terutama kepada pelajar yang cenderung dan terlampau bergantung kepadanya. Nsikak (2015) di dalam kajiannya mendapati terdapat perhubungan di antara media elektronik dan delikuensi juvana dalam kalangan remaja sekolah. Manakala menurut Sebahattin (2014) terdapat banyak maklumat yang tidak diperlukan ada di laman-laman web seperti penculikan dan penderaan kanak-kanak. Ini memudahkan maklumat peribadi diperolehi. Kajian ini disokong oleh Silverstone (2006) yang menyatakan perkembangan media baharu telah mencetuskan peluang-peluang unik yang menyumbang kepada tingkah laku devian. Pertama, ia telah memberi peluang kepada tingkah laku devian baru seperti pembangunan perisian virus, keganasan siber, pencerobohan komputer, gangguan dalam talian, dan beberapa tingkah laku yang memberi kerosakan pada diri sendiri (Giles, 2006; Joinson 2005). Kedua, dengan sifatnya yang mudah untuk diakses, media baharu telah menyumbang kepada tingkah laku devian yang sedia ada seperti kes penipuan dan kecurian. Sehubungan itu, amatlah penting untuk memastikan sama ada media baharu lebih memberi kesan positif atau memberi pengaruh devian ke atas tingkah laku pelajar.

Di Malaysia, terdapat pelbagai usaha dari setiap lapisan masyarakat untuk membantu pelaku-pelaku devian ini berusaha merubah diri menjadi individu yang lebih baik. Antaranya orang perseorangan, keluarga termasuk badan kerajaan dan swasta. Selain program kawalan dan pemulihan yang dikhaskan untuk mengurangkan dan membantu pelaku devian mengelakkan diri mereka dari terus terjebak dengan aktiviti negatif, terdapat juga program hukuman yang dijalankan untuk memberi kesedaran supaya pelaku devian tersebut berasa insaf daripada mengulangi kesalahan mereka. Antara hukuman yang boleh dikenakan adalah Hukuman Sebat, Perintah





Khidmat Masyarakat, Bon Berkelakuan Baik, Perintah Pemulihan dan juga Hukuman Penjara.

Menurut laman web Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan telah meningkat sebanyak 3.7 peratus daripada 4,295 (2014) kepada 4,453 (2015) di mana kanak-kanak lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan peningkatan 104 dan 54 orang. Ini membuktikan bahawa keterlibatan kanak-kanak di dalam aktiviti devian masih dibimbangkan dan usaha perlu dipertingkatkan untuk membantu mereka dari terus terlibat dengan aktiviti negatif.

Selain itu, terdapat beberapa dapatan kajian lepas yang tidak konsisten tentang tahap tingkah laku devian terhadap jantina (Muhammad Sarwar, Riffat, Alam & Nadeem, 2010; Badrulzaman, 2006; Davaidass et al. 2018; Wan Su, 2008) dan tahap tingkah laku devian terhadap lokasi kediaman (Shivakumara, Sangeetha, Ravindra, Ravikanth & Ashok, 2010; Ghulam Shabir, Yousef Mahmood, Ghulam Safdar & Syed Muhammad, 2014).

Terdapat juga kajian yang memfokuskan tentang hubungan media massa dengan tingkah laku devian (Adrian, 2006; Richards & Melanie 2010), faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku devian seperti faktor sosio ekonomi dan faktor sosial (Mbuthia, 2013), latar belakang keluarga (Azyyati, Fariza, & Salasiah, 2013) dan impak media yang menyumbang kepada tingkah laku devian (Sebahattin, 2014). Manakala kajian yang dilakukan di IPA pula antaranya adalah seperti mengenal pasti Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah laku Di Taman





Seri Putri Batu Gajah Dan Kompleks Dar-Assa'adah (Azizi & Jezmin, 2004) dan menyelidik Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka (Zainudin & Norazmah, 2011). Namun masih kurang atau belum ada lagi pengkaji yang membuat kajian khusus berkaitan dengan media baharu dan tingkah laku devian di IPA di negeri Perak Darul Ridzuan. Maka pengkaji berhasrat untuk menyelidik sama ada media baharu benar-benar mempunyai hubungan dengan tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA di Negeri Perak.

1.4 Tujuan Kajian



Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara media baharu dan tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA di Perak. Media baharu yang dimaksudkan dalam kajian ini merangkumi laman sosial, laman web dan laman perkongsian video. Manakala tingkah laku devian yang diukur pula adalah seksual, penipuan, melanggar peraturan sekolah, trend tidak bermoral, pergaduhan, mencuri dan hilang nilai murni.





1.5 Objektif Kajian

- 1.5.1 Mengenal pasti ciri-ciri demografi pelatih IPA terhadap tingkah laku devian.
- 1.5.2 Mengenal pasti tahap tingkah laku devian oleh media baharu dalam kalangan pelatih IPA di Perak.
- 1.5.3 Mengenal pasti tahap pengaruh media baharu terhadap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA di Perak.
- 1.5.4 Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengaruh media baharu dengan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA.
- 1.5.5 Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA.
- 1.5.6 Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi kediaman dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA.



1.6 Persoalan Kajian

- 1.6.1 Apakah ciri-ciri demografi pelatih IPA terhadap tingkah laku devian?
- 1.6.2 Apakah tahap tingkah laku devian oleh media baharu dalam kalangan pelatih IPA di Perak?
- 1.6.3 Apakah tahap pengaruh media baharu terhadap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA di Perak?
- 1.6.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengaruh media baharu dengan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA?
- 1.6.5 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA?
- 1.6.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi kediaman dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA?





1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian sering digunakan di dalam kajian kuantitatif untuk menyatakan perhubungan dan perbezaan di antara pemboleh-pemboleh ubah. Terdapat dua jenis hipotesis kajian iaitu hipotesis Kajian dan hipotesis nol. Hipotesis Kajian digunakan untuk meramal perhubungan antara pemboleh ubah dalam bentuk berarah atau tidak berarah. Manakala hipotesis nol adalah pernyataan yang neutral di dalam hipotesis Kajian (Chua, 2011; 2012). Hipotesis nol juga dibentuk untuk mencapai objektif kajian. Berikut adalah hipotesis yang menjadi asas kepada ramalan dapatan kajian ini:

Persoalan Kajian 4:

H01: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengaruh media baru dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA.



Persoalan Kajian 5:

H02: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA.


Persoalan Kajian 6:

H03: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi kediaman dan tahap tingkah laku devian dalam kalangan pelatih IPA.



1.8 Kerangka Konseptual

Menurut Teori Kawalan Sosial yang juga dikenali sebagai Teori Ikatan Sosial, individu yang terlibat dalam norma-norma dan budaya masyarakat mampu mengurangkan kecenderungan untuk terjebak ke dalam kegiatan devian. Sebaliknya, jika hubungan sosial individu tersebut terhadap masyarakat agak berkurangan, maka dia lebih cenderung untuk terlibat ke arah aktiviti-aktiviti negatif. Terdapat empat elemen Teori Kawalan Sosial yang diasaskan oleh Hirschi iaitu Kasih Sayang (*Attachment*), Komitmen (*Commitment*), Penglibatan (*Involvement*) dan Kepercayaan (*Belief*). Sekiranya elemen-elemen berkenaan dapat dipatuhi, tingkah laku devian dapat dikurangkan atau dielakkan daripada berlaku.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan Rajah 1.1, pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah tingkah laku devian yang terdiri seksual, penipuan, melanggar peraturan sekolah, trend tidak bermoral, pergaduhan, mencuri dan hilang nilai murni. Pemboleh ubah bebas pula merujuk kepada ciri-ciri demografi iaitu jantina dan lokasi kediaman dan media baharu iaitu laman sosial, laman perkongsian video dan laman web.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional akan memberi perincian makna dan definisi bagi setiap terma yang terdapat dalam tajuk kajian. Hal ini penting untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai skop kajian ini.



1.9.1 Tingkah laku

Menurut Lewis M. Beaker (2001), tingkah laku adalah sesuatu yang dilakukan atau diperkatakan oleh seseorang individu yang boleh diperhati, diukur dan dinilai sama ada secara terus atau tidak dan secara sedar atau separa sedar. Ia juga merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, tindakbalas, tindakan dan reaksi dari segi teknik, aktiviti yang melibatkan otot-otot kelenjar dan aktiviti elektrik oleh setiap organ (Gary M. & Joseph Pear (2003).





1.9.2 Devian

Devian adalah tingkah laku, kepercayaan atau keadaan yang melanggar norma-norma sosial di dalam sesebuah masyarakat (Kendal, 2006). Menurut Thio, Taylor, & Schwartz (2013), devian adalah tingkah laku yang dianggap tidak normal dan bersifat anti sosial sekiranya ia berlainan atau berbeza dengan norma-norma sosial yang diamalkan oleh masyarakat. Tingkah laku devian yang sering didengar sinonim dengan pelajar antaranya ponteng, mencuri, bergaduh, melanggar peraturan sekolah dan lain-lain. Di dalam konteks kajian ini, pelatih IPA daripada STB Taiping dan TSP Batu Gajah yang terletak di negeri Perak Darul Ridzuan adalah dimaksudkan sebagai pelaku devian.



1.9.3 Media Baharu

Menurut Siti et al. (2011), berbeza dengan media tradisional yang digunakan pada era cetak dan penyiaran, media baharu menggabungkan teknologi komputer dan maklumat, rangkaian komunikasi, dan kandungan media digital. Kenyataan ini membawa maksud bahawa media baharu tidak dapat dipisahkan dengan teknologi internet. Fenomena kebergantungan pengguna terhadap internet semakin meningkat terutama dalam kalangan remaja (Normah et al., 2013). Di antara media baharu yang dimaksudkan adalah laman web, laman sosial (*Facebook, Twitter*) dan laman perkongsian video (*Youtube, Instagram*).





1.9.4 Pelatih Institusi Pemulihan Akhlak

Pelatih IPA adalah secara umumnya tergolong dalam kategori remaja. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini pelatih tertakluk kepada Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 dan disebut sebagai Kanak-Kanak walaupun tergolong dalam kategori remaja. Pelatih IPA yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri dari pelatih di STB Taiping dan TSP Batu Gajah di Negeri Perak Darul Ridzuan.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan dan kesinambungan kepada beberapa pihak yang berkaitan dalam menangani masalah devian yang disebabkan oleh penggunaan media baharu. Antaranya bidang sosiologi pendidikan, ibu bapa, IPA, pengamal media, pengkaji akan datang dan seterusnya masyarakat secara umumnya.

1.10.1 Bidang Sosiologi Pendidikan

Kajian ini penting kepada bidang sosiologi pendidikan di mana sekiranya terdapat kepincangan dari segi tingkah laku pelajar, secara tidak langsung kualiti pendidikan di Malaysia akan merudum. Justeru data daripada kajian ini amatlah penting untuk diperolehi bagi memberi input kepada pihak berwajib mengawal dan mengurangkan





kesalahan devian yang semakin serius seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi.

1.10.2 Ibu Bapa

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting di dalam perkembangan anak-anak. Dengan fenomena media baharu yang menjadi teman rapat bagi sesetengah remaja, ibu bapa sangat diharapkan dapat mendidik dan menasihati anak-anak mereka tentang kebaikan dan kesan yang bakal anak-anak mereka hadapi sekiranya tidak memanfaatkan penggunaan media baharu dengan baik.



1.10.3 Institusi Pemulihan Akhlak

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada IPA untuk meningkatkan kesedaran pelatih tentang penggunaan media baharu secara berkesan. Dengan pendedahan ini juga pelatih dapat memahami kepentingan untuk mengelakkan diri dari terlibat dengan tingkah laku devian yang berkait dengan media baharu.





1.10.4 Pengamal Media

Memandangkan maklumat yang disebarluaskan melalui media baharu amat pantas dan sukar untuk diramal kesahihannya, maka kajian ini juga diharap dapat memberi pendedahan kepada pengamal media bahawa masyarakat memerlukan ilmu dan panduan tentang kepentingan untuk menyalurkan bahan-bahan penyiaran yang berkualiti serta sesuai untuk dibaca oleh setiap lapisan umur.

1.10.5 Pengkaji Akan Datang

Kajian ini juga boleh digunakan oleh pengkaji akan datang sebagai bahan rujukan untuk menentukan skop kajian yang ingin dimulai. Selain itu, pengkaji akan datang juga dapat menapis maklumat-maklumat yang dikehendaki agar ia bersesuaian dengan tujuan kajian yang telah dirancang.

1.11 Batasan Kajian

Dalam sesuatu kajian, pengkaji perlu menentukan skop kajian bagi mengambil kira batasan-batasan tertentu agar dapat memperolehi hasil kajian dengan lebih mudah dan tidak membebankan pihak pengkaji. Oleh itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kekangan atau batasan kajian yang melibatkan pemboleh ubah kajian, sampel dan populasi kajian, instrumen kajian serta generalisasi kajian.





1.11.1 Pemboleh ubah Kajian

Terdapat dua pemboleh ubah yang telah digunakan di dalam kajian ini iaitu pemboleh ubah bebas yang merupakan media baharu dan ciri-ciri demografi responden serta pemboleh ubah bersandar yang merupakan tingkah laku devian. Pemboleh ubah bebas di dalam kajian ini hanya memfokuskan tentang media baharu secara am dan tidak memperincikan tentang aplikasi-aplikasi media sosial yang tertentu. Begitu juga tentang latar belakang responden yang hanya memfokuskan tentang jantina dan lokasi kediaman. Manakala pemboleh ubah bersandar hanya memfokuskan tentang beberapa jenis tingkah laku devian antaranya seksual, penipuan, melanggar peraturan sekolah, trend tidak bermoral, pergaduhan, mencuri dan hilang nilai murni.



1.11.2 Sampel dan Populasi Kajian

Kajian ini akan dijalankan terhadap populasi pelatih IPA di negeri Perak iaitu di STB Taiping dan TSP Batu Gajah. Saiz sampel yang diperlukan adalah sebanyak 118 pelatih yang melibatkan mereka yang pernah menggunakan media baharu.





1.11.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah berupa soal selidik dan temu bual berstruktur. Instrumen soal selidik amat sesuai untuk kajian ini memandangkan ia mudah diedarkan dan diperolehi pada masa yang sama. Manakala temu bual berstruktur pula dibina untuk meneroka dan mendapatkan jawapan dan situasi terperinci yang lebih mendalam tentang persoalan kajian. Namun, kajian ini juga amat bergantung kepada pelatih IPA untuk menjawab dengan jujur.

1.11.4 Generalisasi Kajian



Kajian ini tidak sesuai untuk digeneralisasikan terhadap IPA yang lain di Malaysia kerana pemilihan sampel yang sangat kecil dan hanya melibatkan dua buah IPA di Negeri Perak.

1.12 Rumusan

Sebagai rumusan, bab ini memberi gambaran secara keseluruhan tentang kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Setelah mengenal pasti masalah utama, kajian yang lebih teratur dan terancang akan mudah dilaksanakan bagi mendapatkan hasil kajian yang diinginkan. Bahagian yang seterusnya akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang kajian ini dalam ruang lingkup yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

